

SIARAN AKHBAR
26 Julai 2016

EKUINAS BANTU SYARIKAT BARANGAN SUKAN BUMIPUTERA TERKEMUKA MALAYSIA, AL-IKHSAN SPORTS, UNTUK MENGEMBANGKAN PERNIAGAANNYA

Fakta Utama: -

- Ekuinas memperoleh kepentingan 35% ekuiti dalam Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd, syarikat barangan sukan Bumiputera terkemuka di Malaysia pada nilai RM68.6 juta. Pelaburan ini juga membolehkan Ekuinas memperoleh AL Sports, jenama pakaian sukan tempatan yang akan ditempatkan di bawah naungan Al-Ikhsan untuk memenuhi minat warga Malaysia yang semakin meningkat dalam aspek kesihatan dan kecergasan.
- Pelaburan ini menandakan penglibatan sulung Ekuinas ke dalam segmen peruncitan sukan, yang memperluaskan portfolio runcit syarikat menjangkau perniagaan Makanan & Minuman (F&B) pada masa ini. Industri peruncitan sukan Malaysia dijangka berkembang pada kadar 8% setahun dan bakal mencecah RM2 bilion pada tahun 2020 di Malaysia sahaja, manakala di negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand, ia dijangka berkembang melebihi RM13 bilion dalam tempoh yang sama.
- Selaras dengan mandat untuk mewujudkan syarikat peneraju pasaran, Ekuinas merancang untuk menyokong usahawan Bumiputera yang berkebolehan ini untuk mengembangkan perniagaannya ke pasaran baharu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, serta ke pasaran serantau.

KUALA LUMPUR, 26 Julai 2016: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, mengumumkan penglibatan sulungnya dalam perniagaan peruncitan sukan berikutan pengambilalihan kepentingan 35% ekuiti dalam Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan), syarikat barangan sukan Bumiputera terkemuka di Malaysia pada nilai RM68.6 juta.

Urus niaga itu juga merangkumi pengambilalihan kepentingan 100% dan suntikan jenama pakaian sukan tempatan, AL Sports, di bawah naungan Al-Ikhsan untuk memenuhi minat warga Malaysia yang semakin meningkat dalam aspek kesihatan dan kecergasan.

Jualan runcit barangan sukan berjenama di Malaysia dijangka meningkat sebanyak 8% setiap tahun sehingga mencecah RM2 billion pada tahun 2020, manakala di negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand, ia dijangka berkembang melangkaui RM13 bilion dalam tempoh yang sama.

Dengan kedudukan sebagai peneraju pasaran yang terkemuka dalam bidang peruncitan sukan pelbagai jenama di Malaysia, dan juga antara syarikat terbesar di rantau ini, Al-Ikhsan berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi permintaan terhadap minat rakyat Malaysia yang semakin meningkat dalam sukan serta kesedaran tentang kepentingan gaya hidup yang aktif dan sihat.

Mengulas tentang pelaburan itu, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Ekuinas teruja untuk memasuki segmen peruncitan sukan dan cara yang terbaik untuk membuat demikian tentunya dengan syarikat sukan No. 1 Malaysia, Al-Ikhsan. Segmen runcit adalah salah satu daripada enam sektor sasaran yang dikenal pasti oleh Ekuinas dan kemasukan kami ke dalam segmen peruncitan sukan memberi jangkauan yang lebih meluas dalam bidang runcit. Pemerolehan ini juga mempelbagaikan portfolio runcit Ekuinas di luar pelaburan sedia ada kami dalam perniagaan makanan dan minuman (*F&B*)."

"Menerusi pelaburan dalam syarikat Al-Ikhsan ini, Ekuinas berpeluang untuk menyokong usahawan Bumiputera berkeupayaan tinggi dengan sasaran untuk mentransformasi syarikat menjadi peneraju pasaran yang lebih kukuh dengan kehadiran serantau."

Ditubuhkan pada tahun 1993 oleh Tuan Haji Ali Hassan Mohd Hassan, Al-Ikhsan kini menguasai 36% daripada pasaran dalam industri peruncitan sukan pelbagai jenama yang merangkumi peralatan sukan, pakaian dan kasut menerusi 119 cawangan di Semenanjung Malaysia. Al-Ikhsan mengedarkan 30 jenama sukan terkenal termasuk Nike, Puma dan Adidas. Dengan pertumbuhan pesat sejak tahun 1993, Al-Ikhsan mencatatkan pendapatan tertingginya sebanyak RM278 juta pada tahun 2012. Pada penghujung 2015, Al-Ikhsan menjana pendapatan sebanyak RM257 juta dan EBITDA dinormalisasi sebanyak RM23.2 juta.

Pertumbuhan dan perkembangan

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ekuinas sentiasa berusaha untuk mendukung mandat melahirkan kumpulan peneraju industri dalam sektor pertumbuhan tinggi.

“Dengan itu, Ekuinas akan memanfaatkan kekuatan Al-Ikhsan bagi melaksanakan pelan penciptaan nilai untuk memperluaskan rangkaianannya ke pasaran baharu, selain mengukuhkan prestasi teras melalui penambahbaikan operasi dan mengoptimumkan rangkaian bekalan.”

"Ekuinas akan berganding bahu dengan pengasas dan pasukan pengurusan Al-Ikhsan dalam usaha mempercepatkan pengembangan operasi tempatan dan serantau, sama ada menerusi pertumbuhan organik atau pengambilalihan syarikat barangan sukan sedia ada dalam pasaran bagi mengukuhkan kehadiran di bandar-bandar yang kurang ditembusi di Malaysia, serta kemasukan dalam pasaran Malaysia Timur dan negara-negara jiran di ASEAN," jelas Syed Yasir Arafat.

Antara persiapan yang kini dalam perancangan termasuk empat *megastore* di Kuala Lumpur dan Perlis. Pengguna di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang juga boleh menantikan kedai barangan premium Al-Ikhsan dalam jangka masa pertengahan hingga jangka masa panjang.

Dengan sokongan Ekuinas, Al-Ikhsan juga merancang untuk menembusi pasaran Sabah dan Sarawak dengan cadangan untuk membuka enam cawangan di Kuching dan Kota Kinabalu menjelang 2018. Rancangan serantau pada masa ini termasuk kemasukan Al-Ikhsan ke dalam pasaran ASEAN lain iaitu Indonesia dan Thailand dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Ikhsan, Tuan Haji Ali Hassan Mohd Hassan berkata ini merupakan suatu pencapaian penting dalam sejarah syarikatnya.

"Kami berharap untuk bekerja secara rapat dengan Ekuinas bagi memanfaatkan kepakaran mereka dalam membawa kami ke tahap lebih tinggi dalam industri peruncitan sukan. Kami yakin bahawa gabungan ini akan membuahkan hasil yang saling menguntungkan bagi kedua-dua entiti serta memberikan rakyat Malaysia satu lagi sumber kebanggaan seiring dengan perkembangan jenama Al-Ikhsan dan AL Sports ke luar negara," kata Tuan Haji Ali.

Pengambilalihan ini adalah pelaburan pertama Ekuinas bagi tahun 2016 dan dalam segmen peruncitan sukan. Termasuk pelaburan dalam sektor pembuatan di bawah Program Penyumberan Luar bernilai RM12 juta, Ekuinas telah membuat pelaburan dalam 36 syarikat di bawah pelaburan langsung dan penyumberan luar sejak ditubuhkan pada tahun 2009. Ekuinas baru-baru ini mengumumkan keputusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, yang menyaksikan Ekuinas mengekalkan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) melebihi sasaran minimum 12% setahun bagi enam tahun berturut-turut. Ekuinas Direct (Tranche I) Fund mencatatkan Pulangan Kasar Portfolio RM591.3 juta, pada kadar IRR kasar sebanyak 14.8% manakala dana kedua, Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan Pulangan Kasar Portfolio sebanyak RM133.3 juta pada IRR kasar sebanyak 13.0%.

– Tamat –

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit, makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan.

Mengenai Al-Ikhsan

Al-Ikhsan Sports telah ditubuhkan pada tahun 1993 bermula dengan sebuah kedai seluas 150 kaki persegi di Holiday Plaza, Johor Bahru. Daripada perusahaan milik tunggal, syarikat tersebut telah berkembang menjadi sebuah syarikat Sendirian Berhad dikenali sebagai Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd dengan lebih 100 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2011, ia telah dianugerahkan ASEAN Business Outstanding Award pada tahun 2011 hingga 2013 bagi kategori Peruncitan Sukan oleh ASEAN Retail & Franchise Federation. Al-Ikhsan Sports menduduki tempat ke-77 untuk *Largest Sporting Goods Retailer In The Galaxy* oleh Sporting Goods Intelligence Report berdasarkan pendapatan pada tahun 2012. Dengan sasaran untuk menjadi Syarikat Barangan Sukan TERBESAR di Asia Tenggara, Al-Ikhsan berbeza dengan yang lain dengan menawarkan pelbagai produk eksklusif dan berkualiti yang diterima secara terus dari jenama global dan dijual kepada pelanggan dengan harga yang kompetitif.

Hubungan Media

Sunita Kanapathy, Ogilvy Public Relations KL, sunita.kanapathy@ogilvy.com 012-226 1216

Gary Khoo, Ogilvy Public Relations KL, gary.khoo@ogilvy.com 012-932 9280